

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

RMT 555 - Pengurusan Projek 4

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Pihak Pengurusan Syarikat Pemaju di mana anda bertugas sebagai Pengurus Projek memerlukan laporan anda mengenai implikasi-implikasi menggunakan cara pemerolehan Binaan dengan Rekabentuk (Design and Building Procurement Method) untuk sebuah projek yang dicadangkan kalau dibandingkan dengan cara pemerolehan tradisional. Di antara kriteria-kriteria untuk projek ini oleh Pengurusan ialah tempoh pembinaan adalah amat penting dan ketepatan yang tinggi untuk kos belanjaan projek mesti dicapai.

(25 markah)

2. Kontrek binaan biasanya memerlukan pihak Kontrektor untuk menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang tertentu dengan akibat gantirugi yang ditaksirkan (liquidated and ascertained damages) akan dikenakan jika Kontrektor gagal mematuhi syarat ini.
  - a) Bincangkan hak-hak dan juga kewajipan pihak Majikan dan juga pihak Kontrektor untuk mematuhi tarikh penyiapan Kontraktual.
  - b) Bincangkan implikasi mengadakan klausa lanjutan masa seperti mana dijumpai dalam kebanyakan Borang Kontrek yang seragam (Standard Forms of Contract) untuk kerja-kerja Binaan.

(25 markah)

3. a) Terangkan secara am bagaimana kontrek-kontrek boleh dianggap sebagai ditamatkan.

...2/-

- b) Berikan DUA contoh sebab-sebab biasa untuk menamatkan Kontrek yang dijumpai di dalam Borang Kontrek yang seragam yang digunakan di Malaysia. Terangkan asas (rational) mengadakan klausa-klausa itu.

(25 markah)

4. a) Membezakan "Kontrektor kecil yang dicalonkan" daripada kontrektor kecil domestik.

- b) Di bawah kontrek binaan yang berdasarkan Syarat-Syarat Kontrek PAM, Kontrektor utama gagal membayar secara penuh kepada kontrektor-kontrektor kecil yang dicalonkan amaun yang disijilkan oleh Arkitek. Saperti tanda muhibbah (goodwill) kontrektor-kontrektor kecil yang dicalonkan terus bekerja tetapi enggan memperbaiki kerja-kerja kecacatan, maka Majikan menahan sebahagian daripada bayaran kemajuan Kontrektor. Oleh kerana Kontrektor Utama mengalami masalah aliran wang kerja telah menghadapi kelewatan maka Arkitek memperakukan gantirugi yang ditaksirkan dikenakan ke atas Kontrektor. Tiada notis daripada Arkitek diterima untuk mengesahkan kelewatan oleh kontraktor-kontraktor kecil yang dicalonkan. Walau bagaimanapun kontrektor-kontrektor kecil ini menerima notis daripada Kontrektor Utama yang menunjukkan amaun ter hutang oleh kerana item-item yang berikut yang akan ditolak secara "offset" daripada bayaran yang Kontrektor Utama berhutang kepada kontrektor-kontrektor kecil ini:-

- (i) Gantirugi yang ditaksirkan.  
(ii) Memperbaiki kerja-kerja kecacatan.  
(iii) Kerja membersihkan dan mengeluarkan sampah yang ditinggalkan oleh kontrektor-kontrektor kecil yang dicalonkan.

Bincangkan hak-hak kontraktual pihak Majikan Kontrektor Utama dan kontrektor-kontrektor kecil yang dicalonan.

(25 markah)

5. Borang-borang Kontrek Seragam Binaan yang digunakan di Malaysia tidak memberi hak automatik kepada Kontrektor untuk menuntut kos tambahan dan/atau kerugian sekiranya lanjutan masa diberikan oleh Arkitek. Bincangkan dengan memberikan contoh-contoh.

(25 markah)

...3/-

6. Pertikaian telah berbangkit dalam sesuatu kontrek binaan. Pihak Kontrektor ingin Majikan bersetuju untuk pelepasan (waiver) prosiding timbangtara semestinya diperuntukan di dalam kontrek.

Sebagai pengurus projek untuk Syarikat Pemaju, berikan laporan anda kepada pihak pengurusan pandangan anda mengenai perkara ini dengan memberi sebab-sebab untuk pilihan anda. Oleh kerana pihak pengurusan tidak fasih dalam prosiding timbangtara, terangkan dengan ringkas perbezaan di dalam kes ini dari segi prosidur dan juga prosiding yang terlibat kalau dibandingkan dengan prosiding di Mahkamah.

(25 markah)

-0000000-